

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS [ROMPIN]**

**TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [ Rompin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan yang sedang dibuat untuk membuat kajian secara menyeluruh tentang impak dan kesan daripada ancaman banjir yang berlaku baru-baru ini baik dari segi kajian suhu, iklim dan perubahan cuaca secara menyeluruh dengan mengambil kira masalah pemotongan lereng-lereng bukit, pembalakan yang berleluasa serta kadar mandapan sungai-sungai; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan bagi memastikan satu penempatan banjir yang kekal bagi sesuatu kawasan yang sering dilanda banjir seperti di Rompin di Kampung Stajam yang telah dikenal pasti dibina secepat mungkin walaupun banjir besar baru-baru ini tidak menjejaskan kawasan Rompin, persediaan bagi masa-masa akan datang perlu dibuat segera.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah mengusaha dan melaksanakan kajian impak dan kesan perubahan iklim ke atas sumber air dan regim hidrologi di Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan suhu dan hujan dari segi intensiti, jumlah dan kekerapan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan ini berpotensi menyebabkan berlakunya kejadian banjir dan akan mempengaruhi magnitud banjir (kadar alir) puncak yang boleh menyumbang kepada berlakunya kejadian banjir yang lebih ekstrem.

Berikutan kejadian banjir luar biasa di negeri-negeri Pantai Timur pada bulan Disember 2014, pemerhatian awal Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenai punca banjir luar biasa di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia pada 12 Mac 2015 telah mengenalpasti punca kejadian banjir dan syor bagi menangani masalah banjir di negeri-negeri tersebut. Kajian punca kejadian banjir ini merangkumi aspek hujan luar biasa, perubahan iklim dan juga perubahan litupan guna tanah termasuk di kawasan hutan. Manakala cadangan penyelesaiannya merangkumi perancangan pembangunan jangka-pendek dan jangka-panjang perlindungan banjir melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini telah melibatkan pelbagai kementerian, agensi dan jabatan kerajaan,

universiti tempatan dan juga badan bukan kerajaan untuk melengkapkan hasil dapatan kajian dan cadangan penyelesaian.

- b) Menerusi tinjauan Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), kebanyakan rumah-rumah penduduk di Kampung Stajam dibina di dalam kawasan penanaman padi masing-masing yang bermungkinan berada pada paras yang rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 ribu pada 19 Mac 2015 lalu untuk pembinaan pusat pemindahan banjir kekal untuk Kampung Stajam. Pusat ini dijangka boleh menampung antara 200 hingga 300 orang mangsa banjir pada satu-satu masa apabila berlakunya banjir. Pembinaan pusat ini akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Rompin dalam tahun ini.

Sekian. Terima kasih.